

Perbandingan Kedudukan Haiwan *Jallālah* Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia

*Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of
Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia*

Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias , Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Sahilah Abd. Mutalib

Department of Food Sciences, Faculty of Science & Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Mohd Hafiz Safiai

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Hukum haiwan jallālah pernah diangkat sebagai isu nasional suatu ketika apabila dibincangkan dalam Jawatankuasa Muzakarah Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Malaysia pada tahun 2006 dan 2021. Ini kerana ia melibatkan aspek pemakanan umat Islam di Malaysia yang menyentuh hukum halal dan haram. Jallālah ialah haiwan yang sering memakan najis dan benda-benda kotor termasuklah diberi makan oleh orang yang memeliharanya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti konsep perbahasan haiwan jallālah oleh para fuqaha empat mazhab untuk dibandingkan dengan keputusan hukum fatwa di Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian analisis kandungan dengan meneliti kitab-kitab fiqh yang muktabar serta laman sesawang yang berkaitan. Kajian ini mendapati terdapat pelbagai perbahasan dari segi konsep dan hukum haiwan jallālah dalam kalangan para fuqaha. Dari aspek fatwa pula, terdapat perbezaan hukum jallālah antara negeri-negeri berpanduan kriteria tertentu seperti yang ditetapkan oleh jawatankuasa fatwa negeri masing-masing. Hasil penelitian yang dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan ketara dari aspek hukum antara pandangan fuqaha dan pengamalan fatwa di Malaysia. Artikel ini dapat menjadi suatu penjelasan kepada landasan hukum yang digunakan dalam penetapan sesuatu fatwa berkaitan hukum ikan jallālah.

KATA KUNCI

Konsep, hukum, haiwan jallālah, najis, fuqaha, fatwa.

ABSTRACT

Animal law was once raised as a national issue when it was discussed in the Muzakarah Committee for Islamic Religious Affairs (MKI) Malaysia in 2006 and 2021. This is because it involved aspects of Muslim nutrition in Malaysia regarding halal and haram laws. Jallālah is an animal that often eats or being fed feces and dirty things. The objective of this study is to identify the concept of jallālah animal as debated by the jurists of four schools of thought in comparison with the rulings of fatwas in Malaysia. The methodology used in this study is to conduct content analysis study by examining relevant fiqh books and related websites. This study found that there are various debates in terms of the concept and laws of jallālah animals among jurists. From the aspect of fatwa, there are differences in the law of jallālah between states based on certain criteria as determined by the fatwa committee of each state. The results of the research show that there is significant difference from the legal aspect between the views of jurists and the practice of fatwas in Malaysia. This article can be an explanation to the legal basis used in the determination of fatwa related to the law on jallālah fish.

KEYWORDS

Concept, law, jallālah animal, najis, jurist, fatwa.

Article History

Received: October 2, 2022

Revised: November 27, 2022

Accepted: November 30, 2022

Published: December 15, 2022

Contact

Muhammad Nazir Alias
(Corresponding Author)
nazir@ukm.edu.my

Citation

Kamarulzaman Mustappa et al. 2022. Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 7(2): 73-85.

Copyright

© 2022 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Isu haiwan *jallālah* khususnya ikan ternakan air tawar yang diberi makan najis pernah diperkatakan dalam akhbar-akhbar tempatan serta menimbulkan polemik dalam masyarakat. Semenjak isu ini dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam ke-73 pada tahun 2006, ianya terus berlarutan sehingga ke tahun 2021. Kes terbaru pada tahun 2021 yang dilaporkan oleh wartawan Harian Metro bertarikh 16 Februari bertajuk ‘Ikan Keli Jijik’ membuktikan isu ikan *jallālah* masih berterusan berlaku (Amir Mamat 2021). Penternak berkenaan didapati menggunakan darah ayam, telur tembelang dan bangkai ayam sebagai makanan ikan keli yang dipelihara.

Pemberian makanan bernajis juga telah menjadi amalan sekian lama oleh para penternak di Thailand dan Taiwan dengan memanfaatkan sisa-sisa ayam atau organ-organ khinzir yang tidak diperlukan untuk dijadikan bahan makanan ikan (Chang Pen-Heng et al. 2008; Kanchanaree et al. 1995). Aktiviti ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses pembesaran ikan di samping dapat menjimatkan kos pengurusan operasi penternakan (Mohammad Aizat et al. 2014; Norhidayah et al. 2015).

Walaupun fatwa mengenai haiwan *jallālah* telah diputuskan di peringkat negeri dan di peringkat pusat, namun keputusan fatwa tersebut mempunyai perbezaan dari sudut hukum untuk dipraktikkan dan kesukaran untuk diamalkan kerana ada yang menetapkan proses kuarantin sebagai cara mengharuskan haiwan *jallālah* dan ada yang mengharamkan haiwan tersebut secara *qatī*. Sebagai contoh Fatwa Wilayah Persekutuan menyebut (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1993 Wilayah Persekutuan 2007);

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya.

Manakala Jawatankuasa Muzakarah MKI pula menyebut (Jakim 2021):

Haiwan yang diternak dan sengaja diberikan makan makanan daripada najis ‘aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis *mughallazah* atau *mutawassitah* adalah haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin.

Kesan daripada perbezaan hukum ini wujud kekeliruan bagi penentuan hukum haiwan *jallālah* kepada pengguna sebagaimana yang dilaporkan kerana pihak penternak boleh mengeksploitasi hukum tersebut (Jakim 2020) akibat memberi makan najis dan kemudian mengkuarantinkan seperti kes yang berlaku pada ternakan ikan keli (Ashriq Fahmy Ahmad 2013).

Apabila dikaji dengan lebih mendalam, para fuqaha klasik juga berselisih pendapat dalam menentukan konsep dan pengertian serta hukum haiwan *jallālah*. Objektif kajian ini adalah bagi mengenalpasti konsep dan hukum haiwan *jallālah* menurut pandangan empat mazhab sebagai perbandingan dengan fatwa di Malaysia. Daripada konsep yang diteliti, suatu kriteria umum bagi haiwan *jallālah* akan dikeluarkan bagi setiap mazhab. Seterusnya, kriteria umum ini akan dibandingkan dengan keputusan fatwa mengenai haiwan *jallālah* sepetimana yang dipraktikkan oleh negeri-negeri di Malaysia bagi melihat perbezaan antara pandangan fuqaha dan fatwa.

KONSEP DAN HUKUM HAIWAN *JALLĀLAH* MENURUT PERBAHASAN ULAMA MAZHAB KLASIK

Dalam perbahasan fiqh, jenis-jenis haiwan yang halal dan haram dimakan telah dibincangkan. Secara umumnya haiwan yang halal dimakan adalah segala jenis hidupan air (haiwan air), haiwan ternakan seperti unta, lembu, kambing, ayam dan lain-lain yang disebelih mengikut hukum syarak. Haiwan yang haram dimakan adalah haiwan yang telah menjadi bangkai, haiwan yang mempunyai taring dan berkuku tajam, serta haiwan yang makan dengan cara menyambar. Haiwan yang haram dibunuh juga haram dimakan. Haiwan yang haram juga termasuk yang disebut dalam al-Quran dan Hadis seperti babi dan anjing serta haiwan yang boleh mendatangkan mudarat jika dimakan. Haiwan *jallālah* merujuk kepada segala jenis haiwan yang halal dimakan tetapi sifat haiwan tersebut sering memakan najis. Walau bagaimanapun, terdapat perselisihan pandangan tentang hukum dan takrifan (Betania 2018) haiwan *jallālah* di kalangan fuqaha empat mazhab yang akan dibahaskan seterusnya.

Menurut *Lisān al-‘Arāb*, *jallālah* adalah perkataan yang berbasal daripada kata *jullu*, وَجْلُ الدَّائِيَةِ وَجَلَهَا: الَّذِي تُبَسِّه لُتْصَان بِهِ díletakkan atas binatang tunggangan untuk melindunginya (Ibn Manzūr 1993). Manakala menurut *Mu‘jam Lughat al-Fuqahā’*, *jallālah* disandarkan dengan *wazan hammālah* iaitu haiwan seperti unta yang memakan tahi manusia dan seumpamanya (Qal‘ajī 1988). Dari sudut istilah pula *jallālah* bermaksud haiwan yang memakan kotoran dan tahi (Ibn Manzūr 1993). Menurut ulama daripada kalangan mazhab Mālikī mentakrifkan dari segi bahasa, *jallālah* ialah binatang lembu yang memakan najis. Namun para fuqaha telah menggunakan istilah *jallālah* ini untuk semua jenis haiwan yang memakan najis (Al-Jundī 2008).

Huraian lanjut mengenai konsep dan hukum haiwan *jallālah* yang menjadi perselisihan pandangan para fuqaha adalah seperti berikut:

1. Mazhab Hanafi

Pandangan ulama mazhab Hanafi menyatakan bahawa haiwan *jallālah* adalah merujuk kepada binatang yang hanya memakan najis iaitu tahi, sama ada tahi haiwan atau tahi manusia dan menyebabkan daging haiwan *jallālah* tersebut berbau busuk. Ini sebagaimana yang dinukilkan dalam *al-Mabsūt* (al-Sarakhsī 1993)

وَتَفْسِيرُ الْجَلَالَةِ الَّتِي تَعْتَادُ أَكْلَ الْجِيفِ وَلَا تُخْلَطُ فِي عَيْنِهِ
حَمْهَاءٌ، وَيَكُونُ حَمْهَاهُ مُتَنَّا فَحُرْمَ الْأَكْلُ؛ لِأَنَّهُ مِنَ
الْجَبَائِثِ

Maksudnya: Dan ditafsirkan haiwan *jallālah* itu yang biasa memakan bangkai dan tidak bercampur (dengan makanan lain), maka (makanan tersebut) menjadi dagingnya dan dagingnya itu menjadi busuk. Oleh itu, haram memakannya kerana termasuk dalam benda-benda yang kotor.

Al-Sarakhsī menjelaskan lagi:

وَأَمَّا مَا يَخْلُطُ فِي تَنَاؤلِ الْجِيفِ وَغَيْرِ الْجِيفِ عَلَى وَجْهِ
يَظْهَرُ أَنَّهُ ذَلِكَ مِنْ حَمْهَاهٍ، فَلَا يَأْسَ بِأَكْلِهِ

Maksudnya: Dan adapun (haiwan) yang bercampur aduk (makanannya), maka ia memakan bangkai dan selain bangkai dalam keadaan yang menampakkan kesan pada dagingnya, maka tidak mengapa dimakan dagingnya.

Al-Sarakhsī (1993) mendatangkan contoh yang lebih jelas dengan menyebut bahawa anak kambing yang menghisap susu khinzir tidak dianggap sebagai *jallālah* kerana susu yang dihisap tidak dapat mengubah kondisi daging dan setiap yang diminum telah hancur (*istihlāk*) dan tidak lagi meninggalkan kesan. Begitu juga dengan ayam, walaupun memakan bangkai atau tahi, namun ia tetap mematuk makanan yang lain. Pandangan beliau cenderung mengatakan bahawa kambing dan ayam dalam contoh yang diberikan di atas, bukan haiwan *jallālah* kerana dagingnya tidak terkesan dengan najis yang dimakan dan ia juga tidak berbau busuk. Oleh itu, tidak mengapa untuk memakan keduanya itu. Al-Sarakhsī merujuk kepada perlakuan Nabi ﷺ yang memakan ayam sebagaimana hadis Nabi ﷺ : (Al-Bukhārī 1993)

عَنْ زَهْدَمِ الْجَرْمِيِّ، عَنْ أَبِي مُوسَى - يَعْنِي الْأَشْعَرِيَّ -
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَأْكُلُ دَجَاجًا

Maksudnya: Daripada Zahdam al-Jarmī daripada Abī Mūsā iaitu al-'Ash'arī RA. berkata: Aku telah lihat Nabi ﷺ memakan daging ayam. (al-Bukhārī, kitāb al-dhabā'iḥ wa al-sa'id, bāb lahm al-dajāj)

Sekiranya Baginda beranggapan ayam tersebut menjadi kotor dan jijik, nescaya Baginda akan melarang daripada memakannya. Namun, dalam riwayat yang lain menyebut ayam tersebut dikurung selama tiga hari sebagai cara membersihkan kotoran yang dimakan sebelum disembelih. Oleh yang demikian, mazhab Hanafi menetapkan bahawa tafsiran haiwan *jallālah* ialah haiwan yang hanya

memakan bangkai semata-mata. Proses pengurungan haiwan tersebut adalah untuk menghilangkan bau busuk pada dagingnya, di samping memberi makanan yang bersih, kerana disebabkan berbau itulah ia dihukumkan sebagai *jallālah* dan ditegah daripada dimakan (Abū Al-Ma'ālī 2004; Al-Sarakhsī 1993).

Dalam *Tuhfāt al-Fugahā'*, Al-Samarqandī (1994) menyatakan bahawa tidak makruh untuk memakan ayam yang memakan najis kerana pemakanannya bercampur dengan benda yang bukan najis dan pemakanan tersebut tidak menjelaskan dagingnya atau menyebabkan bau busuk. Perkara ini dijelaskan lagi dalam *Badā'iṣ al-Šanā'iṣ fī Tartīb al-Shārā'iṣ* berkaitan haiwan *jallālah* sama ada unta, biri-biri dan lembu. Jika haiwan itu hanya memakan najis sehingga menjelaskan dagingnya dan mengeluarkan bau busuk, maka susu haiwan tersebut tidak boleh diminum dan dagingnya tidak boleh dimakan tetapi ia boleh diberikan atau dijual kepada orang lain. Namun, sekiranya haiwan tersebut memakan makanan yang bercampur termasuk najis atau kotoran yang bukan najis, maka ia tidaklah dianggap sebagai *jallālah* disebabkan dagingnya tidak terjejas dan tidak mengeluarkan bau busuk (Al-Kāsānī 1986).

Manakala menurut ulama mazhab Hanafi yang lain seperti dalam kitab *al-Ihktiyār lita'lil al-Mukhtār* mentakrifkan *jallālah* sebagai:

وَالْجَلَالَةُ: الَّتِي تَأْكُلُ الْعَذِرَةَ، فَإِنْ خَلَطَتْ فَيَسْتَعْتَدُ
بِجَلَالَةٍ، وَلِذَلِكَ قَالُوا: الدَّجَاجَةُ لَا تَكُونُ جَلَالَةً لَا يَهْتَمُ
خَلَطُ. وَقَالَ مُحَمَّدٌ: إِذَا أَتَنَّ وَتَعَيَّرَ وَوُجِدَ مِنْهُ رَائِحَةٌ
مُتَنَّةٌ فَهِيَ جَلَالَةٌ لَا يُسْرِبُ لَبَّهَا وَلَا يُؤْكِلُ حَمْهَاهَا وَيَجُوزُ
بَعْهَا وَهَبْهَاهَا، وَإِذَا حُسِنَتْ زَالَتِ الْكَرَاهَةُ لِأَنَّ مَا فِي
جَوْفِهَا يَزُولُ وَهُوَ الْمُوْجِبُ لِلتَّعْرِيرِ وَالْتَّنْ

Maksudnya: Dan haiwan *jallālah* itu yang memakan kotoran najis, namun jika makanannya bercampur (antara najis dan selainnya), maka ia bukanlah haiwan *jallālah*. Oleh sebab itu, ulama mazhab Hanafi mengatakan ayam tersebut tidak menjadi *jallālah* kerana makanannya adalah bercampur. Muhammad (al-Shaibānī) mengatakan apabila daging haiwan itu menjadi busuk dan bau busuk tersebut keluar daripadanya, maka ia adalah *jallālah*, susunya tidak boleh diminum dan dagingnya juga tidak boleh dimakan. Tetapi ia harus dijual dan dihibahkan. Sekiranya haiwan tersebut dikurung, maka hilanglah hukum makruh kerana najis dalam perut haiwan tersebut telah hilang yang menyebabkan perubahan dan bau busuk pada dagingnya (Ibn Mawdūd Al-Mūsilī 1937).

Menurut Ibn Ḩāfiẓ (1966) pula dalam kitabnya *Radd al-Mukhtār 'alā al-Dur al-Mukhtār* ketika memberi komentar mengenai haiwan *jallālah* berkata ia adalah haiwan yang memakan najis sehingga menyebabkan dagingnya berbau busuk. Hukum memakan daging haiwan tersebut adalah makruh disebabkan ia berbau busuk. Sekiranya haiwan tersebut memakan najis tetapi tidak mendatangkan bau busuk pada dagingnya, maka haiwan itu bukanlah haiwan *jallālah*. Ibn Ḩāfiẓ juga berpandangan

haiwan *jallālah* boleh dikurung untuk menghilangkan bau busuknya. Jika haiwan tersebut memakan najis sewaktu dikurung dan pemakanannya itu tidak memberi kesan pada dagingnya, maka ia adalah halal dimakan.

Manakala dalam kitab *Durar al-Hikām Sharh Ghurar al-Ahkām* oleh Munlā Khasrū (t.th.) menukarkan pandangan daripada al-Qādī dalam kitabnya *al-Bazzāziyyah* mengenai ikan yang dipelihara dan diternak dalam air najis, beliau menyatakan ianya halal untuk dimakan. Tetapi pandangan Ibn ‘Ābidīn (1966) berbeza dalam hal ini yang menyatakan bahawa ikan yang dipelihara di dalam air najis menjadi *jallālah* kerana ikan tersebut berbau busuk.

Dapat dirumuskan di sini bahawa, pandangan ulama mazhab Hanafī mengenai haiwan *jallālah* adalah haiwan yang halal dimakan pada asalnya seperti unta, lembu, kerbau, ayam dan seumpamanya tetapi ia telah memakan najis seperti bangkai dan tahi. Sekiranya haiwan tersebut hanya memakan najis dan dagingnya berbau busuk maka ia barulah dianggap sebagai *jallālah*. Jika sekiranya ia memakan makanan yang bercampur-campur antara najis dan kotoran lain, ia tidaklah dianggap sebagai *jallālah* sekira dagingnya tidak mengeluarkan bau busuk.

2. Mazhab Mālikī

Pandangan ulama mazhab Mālikī terhadap konsep haiwan *jallālah* adalah lebih mudah. Mereka berpandangan, jika seekor haiwan itu memakan najis sama ada sedikit atau banyak dan dagingnya berbau busuk atau tidak, maka ia dikategorikan sebagai haiwan *jallālah*.

Dalam kitab *al-Mudawwanah* karangan Imam Mālik (1994), ketika ditanya mengenai isu *jallālah* samada unta, lembu atau kambing, adakah daging haiwan tersebut makruh dimakan? Beliau memberi komentar: Sekiranya aku mengatakan haiwan tersebut makruh, nescaya aku juga akan memakruhkan burung yang memakan bangkai. Imam Mālik juga turut ditanya mengenai beberapa spesies burung helang seperti *al-rakhām*, *al-‘iqbān*, *al-nusūr*, *al-hida'* dan *al-ghirbān*, adakah haram untuk dimakan? Imam Mālik menjawab “Tidak ada salahnya memakan semua burung itu sama ada ia memakan bangkai atau tidak”.

Berdasarkan kitab *al-Nawādir wa al-Ziyādāt ‘alā mā fī al-Mudawwanah min ghairihā min al-Ummahāt* karya Ibn Abī Zayd Al-Qairawānī (1999) menyebut bahawa

وَلَا بَأْسَ بِأَكْلِ الْجَلَالَةِ مِنَ الطَّيْرِ وَالْأَنْعَامِ

Maksudnya: Dan tidak mengapa jika memakan daging haiwan *jallālah* samada burung dan haiwan ternakan.

Perkara yang sama turut dinyatakan dalam kitab *al-Jāmi‘ li Masā‘il al-Mudawwanah* hasil karya Ibn Yunūs Al-Šaqlī (2013) dengan menambah unta, lembu dan kambing yang memakan bangkai adalah

harus untuk dimakan dagingnya. Oleh itu, Imam Mālik mengharuskan memakan haiwan *jallālah* dan tidak mengharamkannya (Ibn Abī Zayd Al-Qairawānī 1999). Namun Ibn Qāsim menambah dengan mendatangkan contoh berkaitan anak kambing yang menyusu dengan khinzir adalah tidak mengapa iaitu harus disembelih untuk dimakan dagingnya.

Hal yang sama turut dijelaskan oleh Ibn Rushd (1988) mengenai situasi anak kambing yang membesar dengan menyusu daripada khinzir adalah berasaskan hujah keharusan memakan burung *jallālah* kerana para ulama sepakat atas keharusan memakan haiwan yang mempunyai *al-hawāsil* (tembolok). Namun mereka berbeza pendapat mengenai haiwan *jallālah* yang mempunyai perut besar (*al-kurūsh*) seperti haiwan ternakan berkaki empat. Pandangan daripada ulama salaf mengatakan makruh memakan daging *jallālah* dan susunya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar bahawa Rasūlullāh ﷺ menegah daripada memakan daging haiwan *jallālah* serta meminum susunya (Ibn Mājah t.th.).

Walau bagaimanapun, dalam mazhab Mālikī tidak ada pertikaian hukum tentang keharusan memakan haiwan ternakan dan burung yang memakan najis, akan tetapi mereka berselisih pandangan mengenai susu, peluh dan air kencing haiwan *jallālah* seperti yang dibahaskan dalam kitab *al-Bayān wa al-Tahṣīl* (Ibn Rushd 1988).

Ini menunjukkan bahawa mazhab Mālikī berpandangan hukum memakan haiwan *jallālah* adalah harus sekalipun haiwan tersebut memakan bangkai dan najis. Pandangan ulama mazhab Mālikī ini lebih mudah diaplifikasi dalam situasi di Malaysia khususnya mengenai ikan *jallālah*. Ini kerana perlakuan memberi najis kepada ikan oleh sebilangan peternak kerap berlaku dan sukar dibendung sebagaimana dilaporkan oleh akhbar tempatan.

3. Mazhab Shāfi‘ī

Mazhab Shāfi‘ī pula sepakat mengatakan haiwan *jallālah* adalah merujuk kepada haiwan yang asalnya halal dimakan. Tetapi haiwan tersebut dikategorikan sebagai *jallālah* kerana kebanyakan makanannya adalah najis sehingga menyebabkan dagingnya berbau busuk. Imam Al-Shāfi‘ī (1990) dalam membahaskan isu ini menyebutkan:

فَإِمَّا الْعَبُولُ الَّتِي أَكْثَرُ عَلَيْهَا الْعَذْرَةُ الْيَابِسَةُ، فَكُلُّ مَا صَنَعَ هَذَا مِنْ الدَّوَابَّ الَّتِي تُؤْكَلُ، فَهِيَ جَلَالَةٌ، وَأَرْوَاحٌ الْعَذْرَةُ تُوجَدُ فِي عُرْقَهَا وَجِرَارَهَا، لَأَنَّ حُومَهَا تَغْنِي بِهَا فَتَنَلِبُهَا

Maksudnya: Dan adapun unta yang kebanyakan benda yang dimakan adalah tahi yang kering, maka jenis haiwan yang harus dimakan sebegini adalah *jallālah*. Bau tahi juga terdapat pada peluh dan badannya disebabkan oleh daging yang terhasil daripada pemakanannya (tahi), maka berubahlah daging tersebut menjadi sedemikian.

Beliau menjelaskan lagi:

وَمَا كَانَ مِنْ الْإِبْلِ وَغَيْرِهَا، أَكْثَرُ عَلَفَهُ مِنْ غَيْرِ هَذَا،
وَكَانَ يَنَالُ هَذَا قَلِيلًا، فَلَا يَيْئِسُ فِي عَرْقِهِ وَلَا جُرْرِهِ، لَأَنَّ
اغْتِدَاءً مِنْ غَيْرِهِ، فَيُلِسَّ بِجَلَالٍ مُنْهِيٌّ عَنْهُ

Maksudnya: Manakala unta atau binatang ternakan lain yang kebanyakan makanan utamanya selainnya (bukan daripada najis) dan hanya memakannya (najis) sedikit, malah ia tidak memberi kesan bau busuk pada peluhnya dan badannya kerana ia juga memakan selainnya (najis), maka ia tidaklah dikategorikan sebagai haiwan *jallālah* yang dilarang.

Ungkapan-ungkapan ini menjelaskan bahawa haiwan *jallālah* itu adalah disebabkan faktor pemakanan daripada bahan najis sehingga menyebabkan bau busuk pada peluh dan juga dagingnya. Haiwan yang memakan najis secara dominan dikategorikan sebagai *jallālah*. Manakala haiwan yang tidak memakan najis secara tidak dominan kerana bercampur dengan makanan selain najis tidak dikategorikan sebagai *jallālah*.

Namun begitu, bagi membolehkan haiwan *jallālah* itu dapat dimanfaatkan, maka ia hendaklah diberi makan dengan makanan yang bersih kerana makanan tersebut akan dapat menghilangkan kesan bau najis pada peluhnya dan juga dagingnya. Jika ia telah dikuarantinkan sebegini, daging haiwan tersebut harus dimanfaatkan. Ini seperti yang dinukilkkan oleh Imam Al-Shāfi‘ī (1990) dalam karyanya *al-Umm*:

وَالْجَلَالَةُ مُنْهِيٌّ عَنْ حُجُومِهَا حَتَّى تُعَلَّفَ عَلَيْهَا غَيْرُهُ مَا
تَصِيرُ بِهِ إِلَى أَنْ يُوْجَدَ عِرْقُهَا وَجُرْرُهَا مُنْقُلَبًا عَمَّا كَانَتْ
تُكُونُ عَلَيْهِ فَيَعْلَمُ أَنَّ اغْتِدَاءَهَا قَدْ انْقَلَبَ، فَانْقَلَبَ
عِرْقُهَا وَجُرْرُهَا فَتَوْكِلْ إِذَا كَانَتْ هَكَذَا.

Maksudnya: Haiwan *jallālah* yang ditegah dari memakan dagingnya sehingga ia diberi makan dengan makanan lain (selain najis) sehingga menyebabkan peluh dan badannya berubah bau berbanding sebelumnya. Maka diketahui pemakanannya telah berubah sehingga berlaku perubahan pada peluh dan bau badannya. Oleh itu ia harus dimakan jika sekiranya begitu.

Pendapat Imam al-Shāfi‘ī ini turut dihuraikan oleh Al-Juwainī (2007) dengan katanya haiwan *jallālah* hanya boleh dimakan jika dikuarantin ketika hidup dan diberi makan sehingga hilang bau busuknya.

Ulama Shāfi‘iyah yang lain seperti Al-Māwardī (1999) pula menyatakan bahawa haiwan *jallālah* ialah haiwan yang diberi makan dengan tahi manusia atau tahi haiwan. Pandangan ini juga selari dengan Al-Qalyūbī (1995) yang menyatakan bahawa haiwan *jallālah* ialah haiwan yang diberi makan najis secara mutlak walaupun bukan daripada jenis tahi dan hukum memakannya adalah makruh. Sebagai contoh, anak kambing yang menghisap susu anjing sehingga membesar atau pokok yang disiram dengan najis. Malah, Al-Shīrāzī (t.th.) turut sependapat dengan al-Māwardī dan al-Qalyūbī yang mengatakan makruh dan tidak mengharamkan memakan daging haiwan

jallālah seperti unta, lembu, kambing dan ayam kerana tahi atau najis yang dimakan tidaklah dapat merubah keseluruhan dagingnya. Oleh itu daging tersebut masih elok dan boleh dimakan.

Imam Al-Nawawī (t.th.) secara jelas dalam *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab* menerangkan bahawa haiwan *jallālah* ialah haiwan yang kebanyakan makanannya adalah terdiri daripada najis atau tahi, sama ada unta, lembu, kambing atau ayam. Beliau menghukumkannya sebagai makruh dan tidak diharamkan. Ini kerana tahi atau najis yang dimakan oleh haiwan itu tidaklah menyebabkan perubahan pada daging secara keseluruhan. Sekiranya haiwan itu diberi makan dengan makanan yang bersih, maka dagingnya boleh menjadi elok dan tidak lagi makruh untuk dimakan. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh bin ‘Amrū (Al-Dārquṭnī 2004), haiwan *jallālah* hendaklah diberi makan makanan bersih selama beberapa tempoh tertentu. Sebagai contohnya, tempoh bagi unta adalah selama empat puluh hari, tempoh bagi kambing adalah selama tujuh hari dan tempoh bagi ayam pula adalah selama tiga hari dengan tujuan untuk membersihkan dagingnya serta menghilangkan baunya.

Al-Nawawī (t.th.) juga menjelaskan keseluruhan sanad hadis Ibn ‘Abbās mengenai *jallālah* yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd (2009), Al-Tirmidhī (1975), dan Al-Nasā‘ī (1930) adalah sahih. Menurut mazhab Shāfi‘iyah, *jallālah* ialah binatang yang lebih banyak memakan tahi atau najis sama ada unta, lembu, kambing dan ayam. Sekiranya haiwan tersebut lebih banyak memakan selain daripada najis, maka ia tidak dianggap sebagai *jallālah*. Namun menurut pandangan jumhur, *jallālah* bukanlah disebabkan oleh pemakanan najis yang dominan tetapi ia disebabkan oleh fizikalnya yang berbau busuk seperti najis. Sekiranya daging haiwan tersebut tidak berbau busuk maka ia tidaklah dianggap sebagai *jallālah*.

Menurut pandangan Al-Ghazālī (1996) pula *jallālah* ialah haiwan yang sering diberi makan tahi dan benda-benda kotor. Pemakanan bahan bernajis yang tidak memberi kesan atau bau busuk pada daging tidak menjadikan ia sebagai *jallālah* dan sekiranya pemakanan tersebut mendatangkan kesan busuk maka barulah ia dianggap sebagai najis dan haram dimakan. Seandainya haiwan tersebut diberi makanan yang bersih sehingga menghilangkan bau busuk pada dagingnya, maka ia halal untuk dimakan. Namun sekiranya daging tersebut dimasak dengan tujuan untuk menghilangkan bau, maka ia tetap tidak boleh dimakan tetapi kulit haiwan *jallālah* tersebut boleh menjadi bersih jika disamak.

Dapat disimpulkan di sini bahawa haiwan *jallālah* menurut pandangan ulama mazhab al-Shāfi‘iyah adalah haiwan yang asalnya halal dimakan tetapi lebih banyak memakan najis (lebih dominan) berbanding dengan makanan yang bersih dan menyebabkan perubahan pada daging sehingga berbau busuk. Walaupun Imam al-Shāfi‘ī, al-Juwainī dan al-Ghazālī mengharamkan memakan haiwan *jallālah*, namun pandangan mereka berbeza dengan

pandangan al-Māwardī, al-Nawawī, al-Shīrāzī dan al-Qalyūbī yang mengatakan makruh sahaja seperti yang telah dijelaskan.

4. Mazhab Hanbalī

Menurut pandangan ulama mazhab Hanbalī, haiwan *jallālah* lebih menjurus kepada perihal pemakanan najis atau tahi sama ada tahi manusia atau tahi binatang yang dominan daripada pemakanan selainnya, sama ada menyebabkan bau busuk pada dagingnya ataupun tidak. Hal ini dinukilkhan daripada Imam Ahmad dalam kitab *al-Muhgnī* (Ibn Qudāmah 1997):

قالَ أَمْرُهُ أَكْرَهُ حُوْمَ الْجَلَالَةِ وَأَلْبَاهَا

Maksudnya: Imam Ahmad berkata “aku makruhkan daging haiwan *jallālah* dan susunya”.

Namun menurut pandangan al-Qādī Abī Ya‘lā seperti yang dinukilkhan oleh Ibn Qudāmah (1997) menyebut bahawa jika haiwan *jallālah* tersebut lebih banyak memakan najis, maka hukum daging dan susunya adalah haram. Jika makanan bersih lebih banyak daripada yang bernajis, maka hukum memakan daging dan meminum susunya adalah tidak haram. Manakala berhubung telur haiwan *jallālah* pula, jika kebanyakannya makanannya daripada makanan yang bersih, maka tidak haram memakan telurnya.

Dalam *Sharh al-Kabīr ‘Alā Matn al-Muqni’*, Ibn Abī ‘Umar (t.th.) menjelaskan bahawa tidak ada najis yang dapat disucikan dengan perubahan yang berlaku kecuali arak yang berubah dengan sendirinya. Begitu juga dengan haiwan *jallālah*, mustahil bau busuk yang melekat pada dagingnya boleh hilang atau berubah dengan sendiri. Oleh sebab itu, kaedah penyucian boleh berlaku pada haiwan *jallālah* dengan cara mengurung dan diberikan makanan yang bersih. Ini boleh *dīqiyāskan* dengan cara pembersihan arak dan kulit bangkai binatang. Apabila arak bertukar menjadi cuka dan kulit bangkai haiwan disamak, maka berlakulah penyucian melalui proses *istihālah*.

Walau bagaimanapun dalam bab *jallālah* ini, Ibn Abī ‘Umar mengatakan terdapat dua keadaan iaitu; pertama; haiwan yang dihukumkan najis sebagaimana hadis Nabi ﷺ mengenai tegahan menunggang haiwan *jallālah* dan meminum susunya yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd (2009). Kedua; haiwan yang dihukumkan bersih sebagaimana kucing dan *dabugh* yang memakan najis, dihukumkan kedua-duanya suci termasuklah bulu, kulit, air mata, peluh dan jilatannya adalah tidak najis. Beliau juga menyebut dua pandangan Imam Ahmad dalam permasalahan ikan yang diumpam dengan najis seperti bangkai atau tahi dan seumpamanya untuk ditangkap. Pertama; haram dan tidak boleh menangkap ikan tersebut dengan menggunakan najis. Kedua; makruh dimakan kerana ikan yang ditangkap menggunakan umpan najis adalah sama seperti haiwan *jallālah*.

Ibn Qudāmah (2007) dalam menjelaskan isu mengenai haiwan *jallālah* dalam kitabnya berjudul *‘Umdah al-Hāzim fī al-Zawāid ‘Alā Mukhtaṣar Abī al-*

Qāsim menyatakan bahawa haiwan *jallālah* adalah haram untuk dimakan jika makanannya lebih banyak najis berbanding makanan yang selainnya termasuklah telur dan susunya, sehingga ia dikuarantin selama tiga hari sebelum ia boleh dimakan. Manakala pandangan Ibn Abī Mūsā pula mengatakan makruh memakan haiwan *jallālah* dan beliau lebih suka tidak memakan haiwan yang bersaiz besar kecuali selepas ia dikuarantin.

Dalam hal ini, Al-Dujailī (2004) juga bersepundapat dengan Ibn Qudāmah seperti yang dinyatakan dalam karyanya yang berjudul *al-Wajīz fī al-Fiqh ‘Alā Madhhāb al-Imām Ahmad bin Hanbal* bahawa haiwan *jallālah* adalah haram dimakan jika ia banyak memakan najis kecuali setelah ia dikuarantin atau dikurung selama tiga hari, sebelum ia harus untuk dimakan. Namun begitu, beliau menambah sedikit keterangan lagi iaitu harus haiwan tersebut diberi makan najis secara tidak kerap jika tiada hasrat untuk menyembelih dan meminum susunya dalam waktu terdekat.

Manakala Ibn Muflīḥ (1997) menyebut dalam kitabnya *al-Mubdi’ fī Sharh al-Muqni’* bahawa pengharaman memakan haiwan *jallālah* termasuk diharamkan susu dan telurnya adalah disebabkan nisbah pemakanan najis lebih banyak daripada makanan yang bersih. Tetapi sekiranya makanan yang bersih lebih banyak, maka haiwan tersebut tidak dianggap sebagai *jallālah*.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada ulama Hanābilah berbeza pendapat mengenai pengharaman haiwan *jallālah*. Ini kerana pada asalnya haiwan tersebut adalah halal dimakan dan tidak menjadi najis hanya disebabkan memakan najis seperti *dīqiyāskan* dengan peminum arak, yang tidak dihukum najis pada anggota dan tubuh badannya. Begitu juga orang kafir yang memakan khinzir dan benda-benda haram lain, tubuh badannya tidak dikategorikan sebagai najis selepas dia memeluk Islam. Oleh itu, tiada hukum yang menyatakan tubuh badan orang yang memeluk Islam perlu disucikan atas alasan dia telah memakan najis dalam kuantiti yang banyak (Ibn Muflīḥ 1997).

Dapat dirumuskan di sini bahawa ulama Hanābilah tidak mengaitkan maksud *jallālah* dengan bau busuk daging haiwan tersebut. Tetapi mereka menghubungkan pemakanan najis dalam kuantiti yang banyak sebagai asas utama bagi menentukan status haiwan tersebut sebagai *jallālah* yang haram dimakan.

Secara umumnya, perbezaan pendapat mengenai konsep haiwan *jallālah* berdasarkan perbahasan keempat-empat ulama mazhab boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Mazhab Hanafi: *Jallālah* adalah haiwan yang hanya memakan najis semata-mata dan berbau busuk;
- ii. Mazhab Mālikī: *Jallālah* adalah haiwan yang memakan najis tanpa menghadkan banyak atau sedikit najis yang dimakan;

- iii. Mazhab Shāfi‘ī: *Jallālah* adalah haiwan yang kebanyakannya memakan najis dan berbau busuk; dan
- iv. Mazhab Hanbalī: *Jallālah* adalah haiwan yang kebanyakannya makanannya adalah najis sama ada berbau atau tidak berbau busuk.

Namun, ulama sepakat mengatakan haiwan *jallālah* adalah terdiri daripada haiwan yang boleh dimakan seperti unta, lembu, kambing dan ayam termasuk haiwan di udara seperti burung serta haiwan di air seperti ikan. Manakala *illah* pengharaman *jallālah* oleh jumhur adalah disebabkan bau busuk pada haiwan tersebut dan bukan disebabkan oleh pemakanan najis (Al-Nawawī t.th.). Walau bagaimanapun dalam perbahasan yang dibincangkan, para ulama mazhab tidak banyak mengaitkan haiwan *jallālah* dengan hidupan air. Namun didapati Ibn Abī ‘Umar (t.th.) dan Ibn ‘Abidīn (1966) ada menyebutkan mengenai hukum ikan yang diberikan najis. Berdasarkan kepada perbahasan ini juga, hidupan air yang diternak untuk dimakan tidak terlepas dengan tuntutan hukum sekiranya diberi makan najis sebagaimana haiwan *jallālah* yang lain.

KONSEP DAN KRITERIA UMUM HAIWAN *JALLĀLAH* BERDASARKAN PERBAHASAN ULAMA EMPAT MAZHAB

Merujuk kepada perbahasan ulama mengenai konsep haiwan *jallālah* di atas, hasil penelitian kajian merumuskan kriteria haiwan *jallālah* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0 dan manakala Jadual 2.0 meringkaskan konsep haiwan *jallālah* berhubung pemakanan najis yang dimakan.

Jadual 1.0: Konsep dan kriteria umum haiwan *jallālah* berdasarkan perbahasan ulama empat mazhab

Mazhab	Kriteria Umum Haiwan <i>Jallālah</i>	Rujukan
Hanafi	<ul style="list-style-type: none"> i. Haiwan yang halal dimakan seperti haiwan ternakan (unta, lembu, kerbau, kambing, ayam, itik, burung, ikan). ii. Haiwan yang masih hidup dan bernyawa. iii. Haiwan yang hanya memakan najis semata-mata (banyak atau sedikit) dan tidak memakan makanan lain. iv. Menyebabkan bau busuk pada daging dan tubuh badan haiwan. 	al-Sarakhsī (1993) Ibn ‘Abidīn (1966)

Mālikī	<ul style="list-style-type: none"> i. Haiwan yang halal dimakan seperti haiwan ternakan (unta, lembu, kerbau, kambing, ayam, itik, burung, ikan). ii. Haiwan yang masih hidup dan bernyawa. iii. Haiwan yang memakan najis (berat atau ringan). iv. Tidak mengambil kira sama ada bercampur dengan makanan lain atau tidak. v. Tidak mengambil kira sama ada berbau busuk atau tidak pada daging dan tubuh badan haiwan. 	Ibn Rushd al-Hafid (2004)
Shāfi‘ī	<ul style="list-style-type: none"> i. Haiwan yang halal dimakan seperti haiwan ternakan (unta, lembu, kerbau, kambing, ayam, itik, burung, ikan). ii. Haiwan yang masih hidup dan bernyawa. iii. Haiwan yang kebanyakannya memakan najis (berat atau ringan). iv. Menyebabkan bau busuk pada daging dan tubuh badan haiwan. 	al-Shāfi‘ī (1990) al-Nawawī (t.th)
Hanbalī	<ul style="list-style-type: none"> i. Haiwan yang halal dimakan seperti haiwan ternakan (unta, lembu, kerbau, kambing, ayam, itik, burung, ikan). ii. Haiwan yang masih hidup dan bernyawa. v. Haiwan yang kebanyakannya memakan najis (berat atau ringan). iii. Tidak mengambil kira sama ada berbau busuk atau tidak pada daging dan tubuh badan haiwan. 	Ibn Qudāmah (1994)

Secara umumnya, haiwan *jallālah* yang dibahaskan oleh para fuqaha adalah merujuk kepada faktor pemakanan haiwan itu sendiri yang terdiri daripada najis termasuk bangkai dan benda-benda jijik sama ada dalam kuantiti yang banyak atau sedikit serta mendatangkan kesan bau busuk pada haiwan tersebut. Hasil pemakanan haiwan tersebut juga akan membentuk darah, susu, daging dan sebagainya. Hal ini boleh dikaitkan dengan firman Allah SWT dalam (al-Quran, al-Nahl 16: 66)

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةٌ سُقِيمُكُمْ مَا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.

Secara saintifiknya, segala makanan yang dimakan oleh haiwan termasuk najis akan diproses oleh organ-organ pencernaan daripada bentuk kasar kepada bentuk yang mudah diserap oleh sel haiwan. Malah, kajian sains menunjukkan haiwan yang diberi makan najis tidak memberi kesan kepada fizikal tubuh badannya setelah melalui proses kuarantin (Wan

Norhana et al. 2012). Oleh sebab itu, perbezaan pandangan hukum di kalangan fuqaha mengenai haiwan *jallālah* serta huraian mereka bagi penetapan konsep haiwan *jallālah* mempunyai justifikasi yang tersendiri sehingga ada di kalangan mereka yang mengharuskan haiwan *jallālah* untuk dimanfaatkan sekalipun terdapat larangan daripada memanfaatkannya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.0 di bawah.

Jadual 2.0: Ringkasan konsep haiwan *jallālah* menerusi perbahasan fuqaha empat mazhab.

Mazhab	Hanafi	Maliki	Shafii	Hanbali
Makan Najis	✓	✓	✓	✓
Kuantiti	Sedikit		✓	
	Banyak	✓	✓	✓
Bercampur		✓	✓	✓
Tidak Bercampur	✓	✓		
Bau Busuk	✓	✓	✓	✓
Tidak Berbau Busuk		✓		✓
Hukum	Makruh	Harus	Makruh	Haram

KEPUTUSAN FATWA SEMASA MENGENAI IKAN *JALLĀLAH*

Menurut keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI (JAKIM 2021), Fatwa Wilayah Persekutuan (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1993 Wilayah Persekutuan 2007), Fatwa Kelantan (2006) dan Fatwa Selangor (Enekmend Pentadbiran Agama Islam 2003 (Negeri Selangor) 2003) telah menetapkan bahawa ikan *jallālah* adalah haram dimakan berbanding dengan keputusan Fatwa Negeri Perlis (Jabatan Mufti Negeri Perlis 2021) dan Negeri Sembilan (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan 2017) yang mengharuskan makan selepas melalui proses kuarantin.

Walaupun terdapat empat fatwa yang menetapkan memakan ikan *jallālah* adalah haram, namun fatwa Negeri Perlis dan Negeri Sembilan menghukumkannya sebagai harus dan boleh dimanfaatkan selepas dikuarantin. Manakala keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI yang terkini (Jakim 2021) telah dipinda dengan memasukkan elemen proses kuarantin sebagai syarat mengharuskan haiwan *jallālah*. Perbezaan pada fatwa ini adalah berdasarkan kepada pendekatan yang diambil oleh sesbuah jawatankuasa fatwa, namun hasrat dan pengamalan mengenai hukum yang diputuskan adalah selari dengan kehendak hukum syarak.

Berikut disenaraikan keputusan fatwa di Malaysia mengenai haiwan *jallālah*:

- Mesyuarat Jemaah Ulama Wilayah Persekutuan Mesyuarat Jemaah Ulama Wilayah Persekutuan pada 3 Januari 2007 yang memutuskan:

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya.

- Mesyuarat Jemaah Ulama Negeri Selangor

Mesyuarat Jemaah Ulama Negeri Selangor pada 25 Oktober 2007 yang memutuskan:

- Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan
- Penternak dilarang memberi ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah pencegahan di samping menjaga sensitiviti umat Islam.

- Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-73 pada 4-6 April 2006 yang memutuskan:

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.

- Mesyuarat Jemaah Ulama-Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Mesyuarat Jemaah Ulama-Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bertarikh 21 Disember 2006 yang memutuskan:

Bersetuju memfatwakan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya yang lain adalah haram dimakan dan para penternak ikan dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya sebagai langkah *sadd al-zara'i*.

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 06/2017-1438H yang bersidang pada 24 Ogos 2017 bersamaan 2 Zulhijjah 1438H telah bersetuju memutuskan berkenaan Status Kesucian Ikan Yang Dipelihara dengan sighah seperti berikut:

- (1) Jumhur menyatakan bahawa "al-Jalalah" bermaksud haiwan yang kebanyakannya (majoriti) makanannya daripada najis. Al-Jalalah itu meliputi semua jenis haiwan sama ada unta, lembu, kambing, ayam, itik, ikan atau sebagainya daripada haiwan yang boleh dimakan.
- (2) Binatang jalalah yang bebas dan memakan sesuatu yang najis adalah makruh untuk dimakan.
- (3) Manakala binatang jalalah yang dibela atau dikurung serta sengaja diberi makan makanan yang najis adalah haram dimakan.
- (4) Walaupun begitu, binatang jalalah tersebut harus dimakan apabila ia telah melalui tempoh kuarantin yang munasabah, iaitu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari.

vi. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke - 53 / 2021 yang bersidang pada 23 - 24 Jun 2021 bersamaan 12 - 13 Zulkaedah 1442, Bil. 2/53 Tahun 2021 yang membincangkan Hukum Memakan Haiwan Akua (Haiwan Air) Yang Diternak Dan Diberi Makan Najis memutuskan bahawa:

- (1) Binatang yang dagingnya berbau najis disebabkan memakan atau diberi makan najis atau hidup di persekitaran najis dipanggil Jallalah.
- (2) Sehubungan dengan itu haiwan Akua (haiwan air) yang diberi makan najis, sehingga memberi kesan kepada isinya termasuk di dalam jallalah. Hukum memakan haiwan Jallalah ini adalah menimbulkan khilaf dalam kalangan ulama.
- (3) Setelah menilai dan meneliti khilaf ulama tersebut, jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mentarjihkan haram memakan ikan, udang atau apa sahaja haiwan air yang isinya berbau najis. Hukum haram itu kekal sehingga hilang bau tersebut.
- (4) Adalah dicadangkan untuk haiwan akua dikuarantin selama tiga hari dengan diberi makanan yang bersih atau tanpa memberi makanan bagi tujuan menghilangkan bau najis tersebut. Apabila bau dan kesan najis itu hilang sama ada sebelum atau selepas tiga hari, maka haiwan akua tersebut boleh dimakan jika tidak membawa kemudaratian.
- (5) Hukum memberi makanan najis kepada haiwan ternakan yang hendak dimakan adalah haram. Maka memberi makan ikan atau haiwan ternakan akua yang lain dengan makanan yang najis bertujuan untuk dimakan adalah haram. Adapun makanan haiwan ternakan yang tercemar dengan najis yang sedikit adalah dimaafkan jika tidak membawa kemudaratian.
- (6) Ikan atau haiwan akua yang pada zahirnya bersih maka dihukum bersih, tidak diwajibkan menyelidiki dengan

lebih mendalam melainkan jika terdapat kesan najis pada haiwan berkenaan.

- (7) Penjual yang mengetahui haiwan jualannya itu jallalah hendaklah memaklumkannya kepada pembeli.

vii. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-119 yang bersidang pada 7 hingga 9 April 2021 telah membincangkan mengenai Kepenggunaan Haiwan Jallalah Industri Akuakultur di Malaysia. Muzakarah berpendapat seperti berikut:

- (1) Haiwan Jallalah bermaksud binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan/ atau hidup di persekitaran najis;
- (2) Haiwan yang diternak dan sengaja diberikan makan makanan daripada najis 'aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis mughallazah atau mutawassitah adalah haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin;
- (3) Kaedah Kuarantin haiwan Jallalah Akuakultur:
 - a. Haiwan tersebut perlu diasingkan daripada ruang ternakan asal ke ruang baharu yang bebas daripada elemen najis;
 - b. Ketika tempoh kuarantin dilakukan, haiwan tersebut boleh dibiarkan tanpa makan apa-apa makanan, atau diberi makan dengan makanan yang bersih bebas daripada elemen najis; dan
 - c. Tempoh umum kuarantin adalah sekurang-kurangnya tiga hari dan hendaklah dipastikan hilang bau busuk. Jika selepas tempoh kuarantin tersebut, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka tempoh kuarantin perlu ditambah sehingga bau busuk itu hilang.

Merujuk kepada Fatwa Wilayah Persekutuan, hukum haram yang diputuskan ke atas ikan sekiranya ikan tersebut secara sengaja diberi makan daging babi dan bangkai atau sengaja dipelihara dalam air najis. Begitu juga dengan Fatwa Selangor dan Kelantan memutuskan haram ke atas ikan ternakan yang dipelihara dan diberi makan najis seperti babi, bangkai dan seumpamanya sebagai makanan utama. Manakala Fatwa Perlis, Negeri Sembilan dan Jawatankuasa Muzakarah MKI pula membolehkan ikan *jallālah* dimakan sekiranya ikan tersebut dapat dikurung atau dikuarantin terlebih dahulu sebelum dimanfaatkan.

Fatwa-fatwa yang diputuskan amat penting sebagai rujukan pihak industri dan orang awam sebagai panduan umum serta mengikut kehendak

syarak. Dalam hal ini, pihak industri atau pihak penternak boleh memilih fatwa yang bersesuaian untuk memanfaatkan ikan *jallālah*. Sebagai ringkasan perbandingan kedudukan haiwan *jallālah* menurut pandangan fuqaha klasik dan fatwa-fatwa di Malaysia, dapat disimpulkan dalam Jadual 3.0 berikut:

Jadual 3.0: Ringkasan perbandingan fatwa negeri-negeri

Negeri	Fatwa	Syarat	Pendekatan pandangan mazhab yang diambil
MKI (2006) (Tiada Perwartaan)	Haram dimakan	Sekiranya diberi makan najis dengan sengaja	Mazhab Hanbalī yang menghukumkan haram memakan haiwan <i>jallālah</i> .
Wilayah Persekutuan (2007) (Diwartakan)		Sekiranya diberi makan najis sebagai makanan utama	Mazhab Hanbalī yang menghukumkan haram memakan haiwan <i>jallālah</i> .
Selangor (2003) (Diwartakan)			
Kelantan (2006) (Tidak Diwartakan)	Harus dimakan		
Perlis (2021) (Tidak Diwartakan)		Selepas menjalani proses kuarantin	Pandangan jumhur kerana menetapkan amalan kuarantin bagi membolehkan haiwan <i>jallālah</i> dapat dimanfaatkan
Negeri Sembilan (2017) (Tidak Diwartakan)			
MKI (2021) (Tiada Perwartaan)			

KEDUDUKAN IKAN *JALLĀLAH*

Semua hidupan air termasuk ikan yang telah mati adalah halal dimakan. Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

هو الظهور ماءه الحلال ميتة

Maksudnya: Airnya bersih dan halal bangkai yang berada di dalamnya. (Abu Dawūd, kitāb al-tahārah bāb al-wudū' bimā' al-bahr; al-Tirmizī, kitāb al-tahārah, bāb mā jā' fī mā' al-bahr annahū tāhūr; al-Nasā'i, kitāb al-tahārah bāb fī mā' al-bahr; Ibn Majāh, kitāb al-tahārah bāb al-wudū' bimā' al-bahr)

Para ulama sepakat menyatakan bahawa haiwan air adalah halal dimakan kecuali katak yang boleh hidup di darat dan di dalam air (dua alam) kerana ada nas yang melarang membunuhnya (Ibn Muflīh 1997). Begitu juga sebahagian para ulama berpandangan bangkai ikan yang terapung di atas permukaan air adalah halal dimakan sebagaimana dalam satu lagi hadis Nabi ﷺ:

أحلت لنا ميتان ودمان: فأما الميتان فالجراد والحوت وأما الدمان فالطحال والكبش

Maksudnya: Dihalalkan untuk kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Dua jenis bangkai ialah belalang dan ikan sementara dua jenis darah ialah hati dan juga limpa. (al-Baihaqī, kitāb al-tahārah bāb al-hūt yamūt fī al-mā' wa al-jarād)

Dalam konteks haiwan *jallālah* khususnya mengenai ikan air tawar di Malaysia, tidak dinafikan pemakanan ikan tersebut adalah bercampur antara bahan halal dan tidak halal seperti bangkai. Jika dirujuk dalam konteks perbahasan fiqh dan dikaitkan dengan isu-isu yang berlaku ini, pemakanan ikan *jallālah* tersebut adalah bercampur dan masih boleh dimanfaatkan. Ini kerana berdasarkan pandangan mazhab Hanafī, haiwan yang makan makanan bercampur seperti najis dengan makanan bersih, tidak dianggap sebagai *jallālah*. Malah, sekiranya haiwan tersebut yang kebanyakannya memakan najis dan tidak mendatangkan kesan bau busuk pada daging dan badannya, tidak dianggap sebagai *jallālah*. Ia berdasarkan kepada *illah* utama pengharaman haiwan *jallālah* adalah disebabkan bau busuk dan bukan disebabkan memakan najis. Inilah yang disepakati oleh jumhur ulama *illah* larangan ke atas haiwan *jallālah* sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab al-Majmu' (Al-Nawawī t.th.).

Oleh yang demikian, fatwa yang diputuskan mengenai haiwan *jallālah* tidaklah menyimpang jauh daripada landasan hukum yang telah dibahaskan oleh para fuqaha. Meskipun keputusan yang dicapai dan dibentuk *sighah* secara berjamaah, namun ia juga mengambil kira amalan dan suasana setempat supaya perbuatan memberi makan najis kepada haiwan ternakan dapat dikenang daripada terus berleluasa. Malah, Fatwa Wilayah Persekutuan, Kelantan, Selangor dan Fatwa MKI 2006 mengharamkan terus daripada memanfaatkan haiwan *jallālah* yang mirip kepada pandangan mazhab Hanbalī serta dikuatkan lagi dengan hujah *sadd al-dhārā'i* bagi menyekat amalan pemberian najis kepada haiwan ternakan.

Manakala fatwa Negeri Sembilan, Perlis dan Jawatankuasa Muzakarah MKI 2020 ada memasukkan elemen kuarantin sebagai suatu proses untuk membolehkan haiwan *jallālah* dapat dimanfaatkan sebagaimana juga perkara ini disepakati oleh jumhur fuqaha sebagai cara penyucian ataupun *istibra'* ke atas haiwan *jallālah*. Walaupun jalan keluar bagi isu haiwan *jallālah* adalah dengan mengenakan proses kuarantin atau disebut *al-habs* sebagaimana yang disepakati fuqaha empat mazhab, namun keputusan fatwa negeri-negeri yang lain tidaklah memfokuskan kepada proses kuarantin sebagai suatu tindakan yang sangat wajar dalam isu yang dihadapi. Ini kerana, jika ini dibenarkan berlaku, ia boleh membuka ruang yang luas kepada pihak industri penternakan untuk secara wewenang memberi makan ternakan mereka dengan apa sahaja bahan, asalkan penghujungnya kelak dikuarantin.

Justeru perbandingan antara fatwa dan pandangan fuqaha dalam menentukan hukum haiwan *jallālah* dapat memberi kefahaman yang jelas tentang kepentingan sesuatu hukum yang hendak diaplikasikan. Namun keputusan fatwa mengenai haiwan *jallālah* yang menjadi landasan hukum juga amat perlu diberi penjelasan secara terperinci bagi merungkai titik kesamaran supaya keputusan yang diberi dapat dipraktik dengan lebih yakin tanpa ada rasa ragu-ragu untuk diamalkan.

HUBUNGKAIT HAIWAN JALLALAH DAN SAINS SECARA RINGKAS

Walaupun di zaman para fuqaha terdahulu mempunyai kekurangan dari sudut peralatan sains untuk menguji kesan pemakanan oleh haiwan *jallālah* terhadap tubuh badannya, namun sebilangan fuqaha telah dapat memikirkan kaitan tersebut dengan sains. Sebagai contoh, ulama mazhab Hanafī memberikan perumpamaan anak biri-biri yang menghisap susu khinzir dengan menghukumkan tidak mengapa (harus) kerana susu yang dihisap itu tidak dapat menukar dagingnya, dan apa yang dimakan akan musnah dan lenyap dan tidak kekal atau meninggalkan apa-apa kesan kepada fizikal pada tubuh badannya (Abū Al-Ma‘ālī 2004; Al-Sarakhsī 1993). Hujah ini mempunyai kaitan dengan proses pencernaan yang berlaku dalam sistem perkumuhan haiwan. Malah ulama mazhab Mālikī juga mengatakan kasturi yang berasal daripada darah dan pelbagai najis yang dimakan oleh haiwan berubah menjadi daging (Al-Hattāb Al-Ru‘ainī 1992). Begitu juga dengan pandangan ulama mazhab Hanbalī dengan memberi perumpamaan pokok yang disiram dengan air najis adalah sama seperti haiwan *jallālah* yang diberi makan najis. Maka untuk membersihkan pokok yang disiram dengan air najis tadi, perlu disiram semula dengan air bersih, maka begitulah juga haiwan *jallālah* yang diberi makan najis, perlu diberi semula makan makanan yang bersih (Ibn Qudāmah 1994). Apa pun makanan yang dimakan oleh haiwan akan melalui perubahan yang berlaku dalam proses penghadaman atau pencernaan secara kimia sebagaimana yang disebutkan dalam ayat al-Quran sebelum ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbahasan para fuqaha berhubung haiwan *jallālah* dan keputusan fatwa di Malaysia, didapati pandangan para fuqaha yang berbeza dari sudut konsep dan hukum ke atas haiwan *jallālah* masih dapat diaplikasikan dalam fatwa semasa di Malaysia walaupun pandangan mereka berbeza dari sudut masa dan keadaan. Dalam pada itu, saranan *al-habs* yang disepakati oleh para fuqaha sebagai suatu jalan penyelesaian untuk menghalalkan haiwan *jallālah*, dapat diterima oleh beberapa

jawatankuasa fatwa sebagai jalan penyelesaian yang sama.

Namun fatwa juga boleh melihat dalam konteks sains yang sedikit berbeza dengan pandangan fuqaha sebagai maklumat tambahan untuk mengetahui signifikan kemunasabahan *al-habs* atau kuarantin, dan secara tidak langsung dapat mengukuhkan lagi keputusan fatwa dan pandangan fuqaha dengan sokongan bukti-bukti saintifik.

RUJUKAN

- Abū al-Ma‘ālī, Burhān al-Dīn Mahmūd bin Ahmad bin ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Umar bin Māzah al-Bukhārī al-Hanafī. 2004. *Al-Muhiṭ Al-Burhānī Fī Al-Fiqh Al-Nūmānī*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Azdī al-Sajistānī. 2009. *Sunan Abī Dāwūd*. Bīrūt: Dār al-Risālat al-‘Ālamiyyah.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1993 (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 2007
- Amir Mamat. 2021. Ikan Keli Jijik. *Harian Metro*, 16 Februari
- Ashriq Fahmy Ahmad. 2013. Proses Kuarantin Hilangkan Bau. *Utusan Malaysia*, 3 Jun 2013:
- Betania, Kartika Muflīh. 2018. Hewan Al-Jallalah Dan Hukum-Hukumnya: Studi Kasus Di Malaysia. *Jurnal Ilmiah Pesantren* 4(1): 507-514.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl. 1993. *Šaḥīḥ Al-Bukhārī*. 1. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- Chang Pen-Heng, Kuo Shu-Ting, Chen Min-Hsiu, Tu Chien, Huang SH & Lau TM. 2008. Jaundice in Cultured Hybrid Catfish (Clarias Betrachus X Clarias Fuscus). *Journal of Veterinary and Clinical Science* 1(2): 47-51.
- Al-Dārquṭnī, Abū al-Hasan ‘Alī bin Umar bin Ahmad bin Mahdī bin Mas‘ūd bin al-Nūmān bin Dīnār al-Bahgadādī. 2004. *Sunan Al-Dārquṭnī*. Bīrūt: Muassasat al-Risālah.
- Al-Dujailī, Siraj al-Dīn Abū ‘Abd Allāh al-Husīn bin Yūsuf. 2004. *Al-Wajīz Fī Al-Fiqh ‘alā Madhhab Al-Imām Ahmad Bin Hanbal*. al-Riyāḍh: Maktabat al-Rushd Nāshirūn.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī al-Tūsī. 1996. *Al-Wasīṭ Fī Al-Madhhab*. al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Al-Hattāb al-Ru‘ainī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Tarablusī al-Maghribī. 1992. *Mawāhib Al-Jalīl Fī Sharh Mukhtaṣar Al-Shīkh Khalīl*. Mūrītāniyā: Dār al-Ridwān.
- Ibn Abī ‘Umar, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī al-Hanbalī. t.th. *Al-Sharh Al-Kabīr ‘alā Matn Al-Muqni‘*. al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-‘Arabī lil Nashr wa al-Tauzī‘.

- Ibn Abī ‘Umar, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Ahmad bin Qudāmah al-Maqdisī al-Hanbalī. t.th. *Al-Sharh Al-Kabīr ‘alā Matn Al-Muqni‘*. al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-‘Arabi lil Nashr wa al-Tauzi‘.
- Ibn Abī Zayd al-Qairawānī, Abū Muhammad ‘Abd Allāh bin Abī Zayd ‘Abd al-Rahman al-Nafazī al-Qairawānī al-Mālikī. 1999. *Al-Nawādir Wa Al-Ziyādāt ‘alā Mā Fī Al-Mudawwanah Min Ghairihā Min Al-Ummahāt*. Bīrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amīn bin ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Ābidīn al-Dimashqī. 1966. *Radd Al-Muhtār ‘alā Al-Dūr Al-Mukhtār*. Bīrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Yazīd al-Qazuwaynī. t.th. *Sunan Ibn Mājah*. Sūriyā: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukram bin ‘Alī Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Ifriqī. 1993. *Lisān Al-‘arab*. Bīrūt: Dār Ṣadīr.
- Ibn Mawdūd al-Mūṣilī, Abd Allāh bin Mahmūd bin Mawdūd al-Mūṣilī al-Hanafī. 1937. *Al-Ikhtiyār Li Ta‘līl Al-Mukhtār*. al-Qāhirah: Maṭba‘at al-Ḥalabī.
- Ibn Muflīḥ, Ibrāhīm bin Muhammad bin ‘Abd Allāh bin Muhammad Ibn Muflīḥ Abū Ishāq Burhān al-Dīn. 1997. *Al-Mubdi‘ Fī Sharh Al-Muqni‘*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Abū Muhammad Mawfiq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamāh al-Jamā‘īlī al-Maqdisī. 2007. *‘Umdah Al-Ḥażim Fī Al-Zawāid ‘alā Mukhtaṣar Abī Al-Qāsim*. Qaṭr: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Abū Muhammad Mawfiq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Ahmad bin Muhammad bin Qudāmah al-Jamā‘īlī al-Maqdisī. 1994. *Al-Kāfi Fī Fiqh Al-Imām Ahmad*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Mawfiq al-Dīn Abū Muhammad ‘Abd Allāh bin Ahmad bin Muhammad bin Qudāmah al-Maqdisī al-Jamā‘īlī al-Dimashqī al-Ṣāliḥī al-Hanbalī. 1997. *Al-Mughnī Li Ibn Qudāmah*. al-Riyādh: Dār ‘Ālam al-Kutub liltabā‘at wa al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muhammad bin Ahmad bin Rushd al-Qurtubī. 1988. *Al-Bayān Wa Al-Taḥṣīl*. Bīrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn Yunūs al-Šaqlī, Abū Bakr Muhammad bin ‘Abd Allāh bin Yūnus al-Tamīmī al-Šaqlī. 2013. *Al-Jāmi‘ Limasāil Al-Mudawwanah*. Bīrūt: Dār al-Fikr liltabā‘at wa al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Jakim. 2020. Laporan Penyelidikan Isu Kefatwaan. Putrajaya.
- Jakim. 2021. *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*. Shah Alam: Reka Cetak Sdn. Bhd.
- Al-Jundī, Khalil bin Ishāq bin Mūsā Dīyā’ al-Dīn. 2008. *Al-Tawdīh Fī Sharh Mukhtaṣar Ibn Al-*
- Hājib*. al-Maghrib: Markaz Najibawīh lil Makhtūtāt wa Khidmat al-Turāth.
- Al-Juwainī, ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf bin Muhammad Abū al-Mā‘alī. 2007. *Nihāyat Al-Maṭlab Fī Dirāyat Al-Madhhab*. Jeddah: Dār al-Manhāj.
- Kanchanaree, P, Varatip, S & Nongnuch, R. 1995. Composition of Hybrid Catfish (*Clarias Macrocephalus X C. Gariepinus*) Raised on Different Feeds. *ASEAN Food Journal (Malaysia)* 10(3): 51-56.
- Al-Kāsānī, Abū Bakr bin Mas‘ūd bin Ahmad. 1986. *Badā‘i‘ Al-Ṣanā‘i‘ Fī Tartīb Al-Sharā‘i‘*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mālik, bin Anas bin Mālik bin ‘Āmar al-Asbahī al-Madanī. 1994. *Al-Mudawwanah*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Māwardī, Abū al-Hasan ‘Alī bin Muhammad bin Muhammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī. 1999. *Al-Ḥāwī Al-Kabīr Fī Fiqh Madhhab Al-Imām Al-Shāfi‘ī*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mohammad Aizat, Jamaludin, Mohd Anuar, Ramli & Suhaimi Ab, Rahman. 2014. Al-Jallalah: Konsep Dan Fatwa Semasa Di Malaysia. *Jurnal Infad* 3(1): 31 - 44.
- Munlā Khasrū, Muhammad bin Farāmirz bin ‘Alī al-Shahīr. t.th. *Durar Al-Hikām Sharh Ghurar Al-Ahkām*. Sūriyā: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Nasā‘ī, Abū ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Shu‘aib bin ‘Alī al-Kharāsānī. 1930. *Sunan Al-Nasā‘ī*. al-Qāhirah: al-Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. t.th. *Al-Majmū‘ Sharh Al-Muhadhzab*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Norhidayah, Pauzi & Saadan, Man. 2015. Haiwan Jallalah Dari Perspektif Islam: Analisis Fatwa Malaysia Dan Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Fiqh* 12(57-78).
- Al-Qal‘ajī, Muhammad Rawwās. 1988. *Mu‘jam Lughat Al-Fuqahā‘*. Bīrūt: Dār al-Nafāis liltabā‘at wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Qalyūbī, Ahmad bin Ahmad bin Salāmah Abū al-‘Abbās Shihāb al-Dīn al-Qalyūbī. 1995. *Hashiyatā Qalyūbī Wa ‘umairah*. Bīrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Samarqandī, Muhammad bin Ahmad bin Abī Ahmad Abū Bakr ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī. 1994. *Tuhfat Al-Fuqahā‘*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsī, Muhammad bin Ahmad bin Abī Sahl Shams al-A‘immat al-Sarakhsī. 1993. *Al-Mabsūt*. Bīrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Shāfi‘ī, Muhammad Ibn Idrīs bin al-‘Abbās bin ‘Uthmān bin Shāfi‘ al-Qurashī bin ‘Abd al-Mutallib bin ‘Abd Manāf. 1990. *Al-Umm*. Bīrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Shīrāzī. t.th. *Al-Muhadhzab Fī Fiqh Al-Imām Al-Shāfi‘ī*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Tirmidhī, Muhammad bin Ḥasan bin Saurah bin Mūsā bin al-Ḍaḥāk. 1975. *Sunan Al-Tirmidhī*. Miṣr: Sharikat Maktabat wa Maṭba‘ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Wan Norhana, Md Nordin, Dykes, Gary A, Padilah, B, Hazizi, AA Ahmad & Masazurah, AR. 2012. Determination of Quarantine Period in African Catfish (*Clarias Gariepinus*) Fed with Pig (*Sus Sp.*) Offal to Assure Compliance with Halal Standards. *Food chemistry* 135(3): 1268-1272.

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2022) 7(2)

KANDUNGAN / CONTENTS

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad	1-10
Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff	11-18
Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff	19-27
Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berdasarkan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	28-42
Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff	43-53
Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor	54-65
Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'Iyyah Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyasah Shari'iyyah Sofiyyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar	66-72
Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai	73-85
Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis	86-93
Maqasid Syariah Dalam Keharusan Hibah Ruqba Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said	94-105